

# Musa: Hadapi dua cabaran dengan sabar dan tenang

**JOHOR BAHRU, Jumaat** — Hakikat perpaduan Umno untuk kepentingan seluruh masyarakat mestilah sentiasa dalam pemikiran ahli-ahli Umno terutama dalam menghadapi cabaran perpecahan orang Melayu dan kemelesetan ekonomi.

"Kedua-dua cabaran ini yang semakin nyata sekarang mestilah dihadapi dengan sabar dan tenang demi perpaduan mereka," demikian tegas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam hari ini.

Ketika berucap di majlis jamuan Hari Raya Umno Perhubungan Negeri di sini, Datuk Musa yang juga Ketua Perhubungan Umno Johor memuji pemimpin-pemimpin Umno Negeri yang berjaya mengekalkan perpaduan parti, walaupun menghadapi berbagai cabaran.

Katanya, kalau dahulu perjuangan Umno berasaskan pembangunan, tetapi dalam keadaan meleset ini ia bertukar menjadi cabaran yang harus dihadapi oleh pemimpin-pemimpin parti.

"Janganlah kerana tidak mendapat peruntukan dari parti, ada Bahagian atau cawangan yang hendak menghentikan kegiatannya pula," ujar Datuk Musa.

## Berkhidmat

Katanya, walaupun Umno menghadapi berbagai cabaran terutama selepas perubahan pucuk pimpinan, tetapi perpaduan parti tetap kukuh.

"Sememangnya bila berlaku perubahan pucuk pimpinan, maka timbullah pelbagai analisa, tanda tanya dan khabar-khabar angin di kalangan ahli politik dan masyarakat."

"Tetapi apa yang pentingnya, apabila kita menghadapi analisa dan khabar angin seperti ini, kita hendaklah tenang dan sabar sebaliknya sentiasa mengingatkan bahawa perjuangan kita adalah untuk kepentingan seluruh masyarakat," tegasnya.

Katanya, tugas utama perjuangan Umno ialah berkhidmat untuk rakyat dan sekiranya asas ini diutamakan, ia akan menjadi penarik kepada orang lain memasuki Umno.

"Kita mesti ingat bahawa Umno dapat mengekalkan perpaduan di kalangan masyarakat berbilang bangsa terutamanya di Johor. Hinggakan Johor dapat bergerak maju dan mencapai kemenangan seratus peratus dalam pilihanraya lalu," tambah beliau.

Datuk Musa seterusnya mengingatkan ahli-ahli Umno, bahawa keadaan seperti itu akan dihadapi lagi dan perjuangan lebih tercabar lagi bila timbul masalah.

Mengenai politik Johor, Datuk Musa berkata, jika keadaanya pulih seperti sebelumnya, maka dengan sendirinya Umno Johor menjadi harum bukan sahaja di kalangan masyarakat Johor, tetapi juga negeri lain.